

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @
YUSRE BIN MOHD AKIN [HANG TUAH JAYA]**

TARIKH : 15 DISEMBER 2020 [SELASA]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan senarai inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan khususnya di Melaka sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan, Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan dan apakah rancangan Kementerian untuk meningkatkan lagi kecekapan PBT untuk membendung penularan wabak COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, beberapa inisiatif telah dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Melaka dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) seperti berikut:

- (a) Pengecualian sewaan ruang niaga/gerai selama 2 bulan (April dan Mei 2020);
- (b) Pengecualian fi lesen selama satu tahun bagi lesen penjaja, peniaga pasar malam dan pasar pagi; dan

NO SOALAN : 26

- (c) Penangguhan bayaran denda lewat sewaan gerai dan pembaharuan lesen kepada penyewa gerai/medan selera.
2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, bagi meningkatkan kecekapan PBT untuk membendung penularan wabak COVID-19, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menubuhkan Pasukan Gerak Kerja (*Taskforce*) pada 30 Mac 2020 yang terdiri daripada pakar-pakar dalam bidang masing-masing dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Jabatan Kimia Malaysia, PBT dan lain-lain agensi bagi melaksanakan operasi sanitasi awam. Tujuan operasi sanitasi awam dilakukan adalah untuk mengurangkan jumlah kuman ke tahap selamat dari jangkitan manakala basmi kuman (*disinfection*) adalah untuk membunuh hampir 100% kuman. Sanitasi awam dilakukan di tempat-tempat seperti pasar awam, taman awam dan bangunan-bangunan kerajaan. Pelaksanaan Operasi Sanitasi Awam COVID-19 disasarkan di kawasan yang telah dikenal pasti oleh KKM seperti berikut:
- (a) Fasa pertama - kawasan kes tinggi (red zone area) akan dijalankan secara serentak;
 - (b) Fasa kedua - kawasan di bawah kategori zon jingga akan dijalankan secara berperingkat; dan
 - (c) Fasa ketiga - kawasan di bawah kategori zon kuning akan dijalankan berdasarkan arahan pihak berkuasa.

Sekian, terima kasih.